

MEMO

TARIKH: 29 Mac 2021

KEPADA: YBhg Dato' Abdul Latif Bin Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
MPC

DARIPADA: En Mohammad Khairul Hakimin Bin Zainoor
Pengurus
Bahagian PCD

MELALUI : En. Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Bahagian PCD

PERKARA: Pertimbangan Kelulusan Pembayaran (eRO) bagi Bengkel Memudahkan Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan Pulau Pinang di Hotel Bayview Beach Resort, Batu Feringghi Penang

YBhg Dato',

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg Dato', Bengkel Memudahkan Urusan Mendapatkan Permit Pembinaan Pulau Pinang telah diadakan pada 26-27 Mac 2021. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato Norazmi Mohd Narawi, Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang dan dihadiri oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri dari pihak sektor awam dan swasta.

3. Pihak urusetia telah memilih hotel Bayview Batu Feringghi sebagai lokasi bengkel dilaksanakan selaras dengan cadangan oleh pihak kerajaan negeri. Proses eRO telah dibuat sebelum tarikh bengkel dilaksanakan (22 Mac 2021) mengikut prosedur perolehan MPC. Namun, LPO tidak dapat dikeluarkan oleh pihak PCT kerana senarai penginap dan peserta tidak disertakan sebelum tarikh sesi diadakan. Perkara ini adalah kerana urusetia jemputan di bahagian kerajaan tempatan lambat mengeluarkan senarai nama yang diperlukan. Walaubagaimanapun, senarai yang diperlukan telah dimasukkan ke dalam sistem eRO sejurus selepas program tamat.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon pertimbangan dari YBhg Dato' untuk sokongan dan kelulusan pembayaran bagi perolehan yang dinyatakan ini.

Pertimbangan dan kelulusan YBhg Dato' dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian.

Disediakan oleh:



Mohammad Khairul Hakimin
Bin Zainoor
Pengurus
Tarikh: 29.3.2021

Disemak oleh:



Mohamad Azrol Mohamad
Dali
Timbalan Pengarah
Tarikh: 29.3.2021

Diluluskan/ ~~Tidak~~
~~diluluskan~~



Dato' Abdul Latif Bin Haji
Abu Seman
Ketua Pengarah MPC
Tarikh: 30.3.2021